

04/03/2003

Cameron Highlands dilanda kontroversi lagi

Zainudin Isa

CAMERON Highlands terus mengundang kontroversi. Kali ini, soal kelulusan yang dikatakan diperoleh sebuah syarikat filem bagi membuat penggambaran di Hutan Simpan Batu Gangan dan sekitar Gunung Brinchang.

Khabarnya, Batu Gangan yang termasuk sebahagian Hutan Simpan Hulu Bertam, dirintis dan dibersihkan bagi membolehkan krew filem terbabit membuat penggambaran sebuah filem legenda.

Tentu semua pihak masih tersentak bagaimana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membidas kerakusan sesetengah pemaju yang menarah tanah tinggi di kawasan bekas ladang teh di Blue Valley baru-baru ini.

Ini membawa kepada tindakan drastik Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, yang mengumumkan pembekuan serta-merta semua projek tanah tinggi di Cameron Highlands.

Begitu juga Sultan Pahang yang murka dengan apa yang berlaku di Blue Valley sehingga baginda sendiri berangkat ke kawasan itu bagi melihat tindakan pemaju terbabit.

Namun, sementara kes di Blue Valley itu masih disiasat polis dan kerajaan negeri sedang menyediakan laporan Kabinet mengenainya, sekali lagi tercetus isu sensitif di Cameron Highlands.

Meskipun kali ini bukan bukit ditarah atau lereng diratakan, ia masih lagi berkisar kepada isu sensitif alam sekitar, iaitu hutan sebagai khazanah alam.

Selepas berita mengenainya didedahkan Tabung Alam Malaysia (WWF) dan Persatuan Pencinta Alam Cameron Highlands (Reach), Sabtu lalu, syarikat produksi terbabit, EnSiniDI Productions Sdn Bhd (EnSiniDI), mendakwa kelulusan secara lisan sudah diperoleh daripada Pejabat Daerah Cameron Highlands untuk sesi penggambaran filem Puteri Gunung Ledang, di hutan itu.

Pengurus produksi dan lokasi EnSiniDi, Razaq Sahib Jahn, menyatakan Pegawai Daerah Cameron Highlands, Haron Abdul Kader, memberi kelulusan bagi kerja-kerja membersihkan tanah di hutan itu, kira-kira tiga bulan lalu.

Jabatan Perhutanan Pahang pula mendakwa tidak pernah memberi sebarang kelulusan kepada syarikat perfileman tempatan itu untuk membuat penggambaran di hutan simpan berkenaan.

Mungkin terlalu awal untuk mempertikaikan siapa dan apakah bentuk kesalahan dalam soal ini. Pokoknya, kelulusan sudah diberi dan ini menyamai isu permit yang dikeluarkan dalam kes pembersihan tanah oleh Syarikat Deng Seng di Blue Valley.

Yang jelas, mengapa jabatan atau pegawai berkaitan tidak mengambil iktibar daripada kontroversi sebelum ini yang belum lagi reda kehangatannya? Apakah hutan simpan di Cameron Highlands terkecuali daripada tindakan pembekuan sementara itu?

Gunung dan bukit-bukau adalah paksi alam manakala hutan dan sungai adalah sumber terpenting yang berperanan menyejukkan alam. Semua khazanah alam ini tidak ternilai harganya.

Justeru, sebarang perubahan fizikalnya tidak boleh diganti semula seperti keadaan asalnya.

Meskipun kes terbaru ini dikatakan tidak membawa kemusnahan besar, pihak berkuasa tidak sepatutnya bersikap lepas tangan atau bermain tarik tali mengenai siapa yang harus bertanggungjawab.

Janganlah dikaburkan lagi mengenai siapa yang memberi kelulusan, atau

jabatan mana yang sepatutnya mempunyai bidang kuasa kerana itu akan mengundang lebih banyak kontroversi daripada ketelusan.

Apapun, dalam memulihara alam sekitar dan memastikan Cameron Highlands kekal dengan reputasinya sebagai kawasan peranginan tanah tinggi terkenal di Pahang dan Malaysia, semua pihak wajar meningkatkan kepekaan - di antara tuntutan pembangunan dan sensitiviti alam.

Sekiranya pemaaju hartanah atau penanam sayur, pekebun bunga atau teh di Cameron Highlands wajib mengikuti peraturan, hatta pengeluar filem juga tidak terkecuali.

Mengikut seorang bekas pegawai kanan perhutanan, hutan simpan ditakrifkan sebagai kawasan larangan dan sepatutnya tiada sesiapa yang berhak memberi kebenaran memasukinya melainkan Jabatan Hutan sendiri.

Malah, katanya lagi, sesiapa yang memetik daun pokok sekalipun ditegah di belantara itu, dan mereka yang melakukan perbuatan itu boleh didakwa. Bagi pelawat yang tidak biasa di hutan itu, pegawai hutan perlu sentiasa mengikuti dan mengekori mereka.

Dalam kes ini, sindrom pelik timbul, iaitu mengapa ada pegawai atau jabatan lain memberi kebenaran sedangkan `empunya diri tidak tahu menahu ada putera yang mahu menyunting Puteri Gunung Ledang di rimbanya!'